

Tambah, perluas insentif bantu PKS rebut pasaran halal global

● PKS memperoleh pensijilan halal dapat menjamin kualiti produk mereka kepada lebih 1.9 bilion penduduk Muslim seluruh dunia

● Dengan lebih banyak produk halal dihasilkan PKS tempatan, Malaysia dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai hab halal global



Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Industri halal global semakin berkembang pesat dan dianggarkan bernilai AS\$2.4 trilion pada tahun ini dengan prospek mencapai AS\$5 trilion menjelang 2030. Malaysia, sebagai peneraju dalam industri halal, memainkan peranan penting dalam membentuk hala tuju pasaran ini pada peringkat antarabangsa.

Menurut data, jumlah pelancong Muslim dijangka mencapai 160 juta orang pada 2026, dengan perbelanjaan dianggarkan mencecah AS\$300 bilion.

Malaysia, secara konsisten berada di kedudukan teratas sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim, perlu memanfaatkan peluang ini untuk menarik lebih ramai pelancong Muslim dari seluruh dunia.

Muslim dari seluruh dunia.

Namun, bagi memastikan Malaysia terus memimpin dan memanfaatkan sepenuhnya potensi ini, salah satu langkah kritikal ialah memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) didedahkan kepada pensijilan halal.

PKS adalah tulang belakang kepada ekonomi negara, menyumbang lebih daripada 38 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Dalam ekosistem halal, PKS memainkan peranan sangat penting, terutama dalam sektor pembuatan, makanan, minuman, kosmetik serta perkhidmatan.

Justeru, pendedahan PKS kepada kepentingan pensijilan halal bukan sahaja memberi manfaat kepada perniagaan mereka, tetapi kepada pengukuhan ekosistem halal negara.

Hari ini, pensijilan halal Malaysia diiktiraf lebih 60 negara, memberi kelebihan besar kepada produk dan perkhidmatan mempunyai sijil halal. Pensijilan halal bukan sekadar satu logo atau pengesahan semata-mata, tetapi mencerminkan kepatuhan sesuatu produk atau perkhidmatan terhadap syariat Islam dari segi pengeluaran, penyimpanan dan pengedaran.

Bagi PKS, mendapatkan pensijilan halal boleh membuka pelbagai peluang pasaran lebih luas. PKS memperoleh pensijilan halal dapat menjamin kualiti produk mereka kepada lebih 1.9 bilion penduduk Muslim seluruh dunia. Ini memberi akses kepada pasaran antarabangsa lebih besar dan meningkatkan daya saing PKS.

Selain itu, pensijilan halal juga meningkatkan tahap kepercayaan pengguna, sama ada Muslim atau bukan Islam. Di pasaran global, pengguna semakin menyedari pentingnya produk selamat dan berkualiti tinggi. Pensijilan halal, dengan penekanan ke-

pada aspek kebersihan dan kesucian bahan serta proses, menjadi jaminan tambahan produk itu dihasilkan dengan cara terbaik.

Ini menjadikan produk PKS lebih dipercayai dan menarik minat pengguna, terutama di negara-negara mengutamakan standard keselamatan makanan tinggi. Dalam pasaran tempatan, pensijilan halal menjadi satu kelebihan daya saing penting.

Pengguna Muslim semakin mengutamakan produk dan perkhidmatan mematuhi piawaian halal. Oleh itu, PKS mempunyai pensijilan halal akan dapat memenuhi keperluan pasaran tempatan dengan lebih baik dan menarik lebih ramai pelanggan, sekali gus meningkatkan jualan dan keuntungan.

Walaupun manfaat pensijilan halal amat jelas, masih terdapat cabaran dihadapi PKS dalam mendapatkan pensijilan ini. Antara cabaran utama ialah persepsi pensijilan halal hanya relevan kepada industri makanan dan minuman. Sebenarnya, pensijilan halal melangkaui sektor ini.

“Pensijilan halal Malaysia diiktiraf lebih 60 negara, beri kelebihan besar kepada produk dan perkhidmatan miliki sijil halal”

PKS dalam sektor ini perlu didedahkan kepada kepentingan pensijilan halal supaya mereka tidak terlepas peluang memanfaatkan potensi pasaran halal.

Kebanyakan PKS tidak mempunyai pengetahuan mencukupi mengenai proses dan prosedur mendapatkan pensijilan halal. Kekurangan maklumat mengenai peraturan, dokumentasi diperlukan serta garis panduan JAKIM menyebabkan banyak PKS berasa sukar memulakan langkah ke arah pensijilan halal.

Tingkat kesedaran PKS miliki pensijilan halal

Oleh itu, inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan bimbingan khusus perlu dilaksanakan bagi membantu PKS memahami dengan lebih jelas proses ini.

Bagi memperkasakan PKS supaya lebih terdedah kepada pensijilan halal, beberapa langkah perlu diambil pihak berkuasa dan badan berkaitan.

Pertama, kerajaan perlu menyediakan program latihan dan bimbingan komprehensif mengenai pensijilan halal, khusus ditujukan kepada PKS. Program ini boleh dijalankan melalui agensi seperti MA-TRADE dan SME Corp, dengan kerjasama JAKIM

dan Halal Development Corporation (HDC). Melalui latihan ini, PKS dapat memahami lebih jelas proses pensijilan dan keperluan perlu dipatuhi.

Selain itu, insentif kewangan seperti geran atau subsidi perlu disediakan bagi membantu PKS mempunyai keangan dari segi kos. Kos untuk mendapatkan pensijilan halal, termasuk yuran audit dan kos operasi tambahan boleh ditanggung kerajaan atau melalui insentif diberikan kepada syarikat kecil. Langkah ini akan menggalakkan lebih banyak PKS mendapatkan pensijilan halal tanpa terbeban dengan kos tambahan.

Kerajaan juga perlu memperkenalkan inisiatif memperkasakan proses pensijilan halal. Proses pensijilan lebih ringkas, pantas dan cekap boleh diperkenalkan melalui penggunaan teknologi digital seperti *blockchain* dan sistem pemantauan berasaskan internet kebendaan (IoT).

Teknologi ini bukan sahaja memudahkan proses audit dan pemantauan, tetapi meningkatkan ketelusan dalam rantaian bekalan halal, akhirnya memperkukuhkan keyakinan pengguna terhadap produk miliki sijil halal.

Apabila lebih banyak PKS berjaya mendapatkan pensijilan halal, ekosistem halal negara turut diperkasa. Pensijilan halal tidak hanya memberi manfaat kepada pengeluar, tetapi juga kepada pengguna dan ekonomi negara secara keseluruhan. Dengan lebih banyak produk halal dihasilkan PKS tempatan, Malaysia dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai hab halal global.

Pensijilan halal juga memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan Muslim. Dengan lebih banyak perniagaan yang mematuhi piawaian halal, termasuk dalam sektor hospitaliti dan perkhidmatan, Malaysia boleh menarik lebih ramai pelancong Muslim yang mengutamakan persekitaran yang mematuhi syariat Islam. Ini seterusnya akan memperluaskan lagi potensi pelancongan halal di Malaysia, meningkatkan pendapatan negara dari sektor ini.

Selain pengeluaran produk halal, Malaysia juga berpotensi menjadi hab logistik halal global. Kedudukannya strategik di tengah ASEAN serta hubungan perdagangan kukuh dengan negara Asia Barat menjadikan Malaysia lokasi ideal untuk operasi pengedaran produk halal. Namun, infrastruktur logistik khusus untuk produk halal perlu dibangunkan dan diperkasakan.

Kerajaan perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam menyediakan sokongan, latihan, dan insentif kepada PKS untuk mendapatkan pensijilan halal. Menerusi langkah berkesan, Malaysia mampu mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju industri halal global dan memastikan ekosistem halal negara terus berkembang pesat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH